

04/09/2002

SSM berubah ikut keperluan semasa

Tuan Nazuri Tuan Ismail

PUTRAJAYA, Selasa - Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang dilaksanakan 1 November ini akan diubah suai dari semasa ke semasa dengan menambah pelbagai kemudahan yang boleh memanfaatkan hampir sejuta kakitangan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, menasihatkan semua kakitangan kerajaan menerima sistem baru itu yang memberi kebaikan kepada mereka pada masa depan.

Katanya, sistem gaji baru kakitangan kerajaan itu akan mengalami banyak perubahan mengikut keperluan semasa.

"Saya yakin kakitangan perkhidmatan awam akan menerima sistem baru ini kerana SSM akan bertambah baik pada masa depan.

"Seperti SSB yang mula diperkenalkan dulu, ramai yang menyesal kerana tidak memilihnya. Saya berharap mereka akan memilih SSM supaya tidak menyesal kemudian hari," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2001 Bahagian Keselamatan Negara (BKN) di sini, hari ini.

Seramai 47 kakitangan BKN menerima anugerah iaitu Anugerah Khas (10), gaji menegak (22) dan melintang (15).

Pada 30 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan SSM yang akan menggantikan SSB mulai 1 November depan, memberi lebih banyak faedah terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kakitangan awam.

Menerusi SSM, penilaian kecekapan kakitangan dibuat melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan bagi menentukan kemajuan kerjaya dan gaji tahunan, selain laporan prestasi serta pengakuan ketua jabatan.

SSM adalah dasar ketiga diperkenalkan kerajaan selepas SSB yang diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan mengikut laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet sejak 1976.

Samsudin berkata, ketika ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengadakan majlis penerangan mengenai SSM di kementerian dan jabatan kerajaan seluruh negara dan sambutan yang diterima amat menggalakkan.

Beliau berkata, SSM bukan semakan gaji kakitangan perkhidmatan awam tetapi penambah baik kepada sistem lama, SSB.

"Menerusi SSM ini, mereka mengharapkan pelbagai kenaikan tetapi ada yang tidak diluluskan. Mereka perlu faham SSM bukan semakan gaji tetapi sistem baru yang masih mengekalkan prinsip SSB seperti mengekalkan elaun kritikan dan menambah peluang kenaikan pangkat," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Samsudin berkata, SSM akan membuka lebih banyak peluang kepada kakitangan perkhidmatan awam untuk naik pangkat berdasarkan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang mereka miliki.

Sebagai contoh, katanya, untuk jawatan profesional diwujudkan dua lagi jawatan manakala tiga kumpulan sokongan berbanding dua sebelum ini.

"Walaupun bukan semua layak untuk jawatan terbabit, peluang mereka tetap ada," katanya.

Samsudin berkata, selepas SSM dilaksanakan, kenaikan gaji melintang dan menegak akan dihapuskan dan ini bermakna semua kakitangan perkhidmatan awam akan mendapat gaji biasa.

Bagaimanapun, katanya, peluang untuk mereka naik pangkat dan gaji terbuka luas dengan syarat lulus dalam ujian kecekapan yang ditetapkan.

Beliau berkata, SSM juga akan memastikan ketua jabatan lebih objektif dalam menilai prestasi kakitangan berdasarkan kecekapan dan ilmu

pengetahuan yang mereka miliki.